

PENDEKATAN TEORI RELEVAN TERHADAP INTERPRETASI PRAGMATIK SURAH AL-MULK^(*)

(A Relevance Theory Approach to the Pragmatic Interpretation of Surah Al-Mulk)

Nurul Hanilah Mohd Ismath¹, Abdul Hadi Bin Abd Aziz²

ABSTRACT

The Qur'ān employs a wide range of rhetorical strategies in conveying its message to humanity, referred to in Arabic as *uslūb* (plural: *asālib*). Among these strategies is the use of interrogative constructions. A considerable number of interrogative verses in the Qur'ān are not intended to function as literal questions; rather, they convey layered and implicit meanings. Inaccurate interpretation of such interrogatives may therefore lead to a distorted understanding of the Qur'ānic message. This study aims to identify interrogative verses in Sūrah al-Mulk and to elucidate both their explicit and implicit meanings within their respective textual contexts. Data analysis is conducted through a pragmatic framework grounded in Relevance Theory as proposed by Sperber and Wilson (1986), adapted to Qur'ānic textual analysis through reference to authoritative classical exegetical works (*tafsīr mu'tabar*). A total of twelve interrogative verses were identified in Sūrah al-Mulk and selected as the corpus of analysis. The findings reveal that interrogative constructions in Sūrah al-Mulk serve a range of rhetorical functions, including admonition, warning, threat, reproach, and the evocation of fear in the audience. Such usage underscores the aesthetic refinement, semantic depth, and expressive richness of Qur'ānic discourse in guiding human reflection and moral awareness. Accordingly, the ability to discern both the explicit and implicit

^(*) This article was submitted on: 24/11/2024 and accepted for publication on: 18/11/2025.

¹ Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Jabatan Bahasa Arab, UIAM Pagoh, Johor, Malaysia)

Emel: hanilah@iium.edu.my

² Universiti Tun Hussein Onn (Jabatan Bahasa Antarabangsa, UTHM Parit Raja, Johor, Malaysia)

Emel: abdulhadi@uthm.edu.my

meanings of Qur'anic interrogatives is essential for Muslims, in order to avoid misinterpretation of the divine message.

Keywords: *Interrogative Constructions, Sūrah Al-Mulk, Relevance Theory, Pragmatics; Uslūb Al-Istifhām.*

ABSTRAK

Al-Qur'ān menggunakan pelbagai gaya bahasa dalam menyampaikan mesej kepada manusia, yang dalam bahasa Arab disebut sebagai *uslūb* (jamak: *asalīb*). Antara gaya bahasa tersebut ialah ayat tanya. Banyak ayat tanya yang muncul dalam *Al-Qur'ān* tidak bertujuan menyoal secara literal, sebaliknya membawa makna implisit yang pelbagai. Pentafsiran yang kurang tepat terhadap ayat tanya ini boleh menjejaskan kefahaman terhadap mesej ayat-ayat *Al-Qur'ān*. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti ayat tanya dalam Surah al-Mulk dan menjelaskan makna eksplisit serta implisit yang terkandung dalam ujarannya berdasarkan konteks ayat. Analisis data dilakukan melalui pendekatan pragmatik menggunakan Teori Relevan oleh Sperber dan Wilson (1986), disesuaikan dengan metodologi kajian teks *Al-Qur'ān* melalui rujukan tafsir-tafsir muktabar. Sebanyak 12 ayat tanya dikenal pasti dalam Surah al-Mulk sebagai data kajian. Hasil analisis menunjukkan bahawa ayat tanya dalam Surah al-Mulk berfungsi untuk memberi peringatan, ancaman, sindiran, celaan serta menimbulkan rasa takut dalam kalangan pendengar. Penggunaan ayat tanya ini mencerminkan keindahan, kedalaman dan kekayaan gaya bahasa *Al-Qur'ān* dalam mengajak manusia berfikir dan mengambil pengajaran. Justeru, kemahiran memahami makna eksplisit dan implisit ayat tanya perlu dikuasai oleh setiap Muslim agar tidak berlaku salah tafsir terhadap mesej *Al-Qur'ān*.

Kata Kunci: *Ayat Tanya, Surah Al-Mulk, Teori Relevan, Pragmatik, Uslub Al-Istifham.*

1.0 PENGENALAN

Pragmatik ialah disiplin ilmu yang membincangkan makna bagi sesuatu ujaran, terutamanya makna yang terselindung dengan menjadikan peranan konteks sebagai salah satu unsur utama dalam menentukan makna sebenar bagi sesuatu

ujaran. Thomas (1995) telah melihat pragmatik sebagai bidang yang mengkaji makna iaitu makna dalam interaksi. Jelas beliau, “Making meaning is a dynamic process, involving the negotiation of meaning between speaker and hearer, the context of utterance (physical, social and linguistic) and the meaning potential of a utterance” (Thomas, 1995: 22). Berdasarkan maksud tersebut, didapati kajian ke atas ayat tanya yang dilakukan terhadap ujaran ayat tanya dalam surah *al-Mulk* menepati bidang pragmatik. Ini adalah disebabkan kajian yang dilakukan memberi fokus terhadap aspek bahasa iaitu menganalisis makna ayat tanya berdasarkan konteks di dalam surah *al-Mulk*.

Sepertimana diketahui, *Al-Qur’ān* merupakan kata-kata Allah dan semestinya ia sarat dengan gaya bahasa yang pelbagai. Jika diteliti, terdapat pelbagai lafaz dalam *Al-Qur’ān* disebutkan secara berkias dan tidak disebut secara langsung.

Hikmah di sebalik semua ini adalah supaya *Al-Qur’ān* ini sentiasa dibaca dengan tadabbur dan diperhalusi satu persatu dengan berbekalkan tafsir-tafsir yang muhtabar. Antara surah-surah yang terdapat ujaran implisit ini ialah surah yang sangat dekat dengan Muslim iaitu surah *Al-Mulk*. Surah ini adalah surah *makkiyyah* dan mempunyai 30 ayat sahaja tetapi ianya memberi gambaran yang baru tentang sesuatu kewujudan dan kaitannya dengan sang Pencipta. Ia juga menggerakkan hati manusia untuk sentiasa melihat hikmah di sebalik kehidupan dan kematian (Sayyid Qutb, 2004). Dalam konteks hubungan antara akidah Islam dan surah *al-Mulk*, surah ini mengupas tentang kekuasaan Allah SWT yang mampu melakukan segala sesuatu yang dikehendakiNya iaitu menghidupkan dan mematikan, menghinakan dan mengaibkan, menghayakan dan memiskinkan serta memberi dan menghalang sesuatu. (al-Sābūnī, seperti dipetik dalam Syakirah Rifa’in et al., 2023).

Surah *Al- Mulk* ini dikenali sebagai “penyelamat” kerana boleh menyelamatkan pembacanya daripada azab kubur. (Zamakhshari, 2012) Dalam tafsir Ibnu Kathir ada menukilkan *Hadith* mafhumnya: Barangsiapa yang membiasakan dirinya membaca surah *al-Mulk* ini dia akan mendapat syafaat di hari akhirat iaitu pertolongan pada hari kiamat sehingga Allah mengampunkan dosanya. (Ibn Kathīr, 2013, *jilid* 8, hlm. 468), kemudian *Hadith* lain yang menjadi sumber ungkapan dalam Tafsir Ibn Kathir: “Sesungguhnya satu surah dalam *al-Qur’an* telah berhujah membela tuannya sehingga memasukkannya ke dalam syurga, dan surah itu ialah *Tabārak alladhī biyadihi al-mulk* (Surah *al-Mulk*),” Apabila kita melihat *Hadith-Hadith* ini, dapat kita berfikir betapa

pentingnya surah ini sehingga melayakkan kita untuk ke syurga Allah. Betapa hebat dan besarnya kasih sayang Allah kepada hamba-hambaNya.

“Tabaraka” di permulaan ayat ini berasal daripada perkataan *barakah* iaitu kelebihan, kebaikan, peningkatan dan banyak; ia berterusan dan tidak akan berkurang malah berterusan sentiasa. (Abbas, 2017) Antara ujaran implisit yang terdapat dalam surah ini adalah penggunaan ayat tanya yang mana terdapat banyak pertanyaan yang dikemukakan kepada manusia apabila membacanya.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ujaran ayat tanya yang mengandungi unsur implisit dalam *Surah al-Mulk* serta menganalisis penggunaan unsur implisit tersebut dengan menggunakan Teori Relevans (TR) sebagai kerangka teori utama. Melalui teori ini, kajian akan meneliti bagaimana makna-makna tersirat dapat dikenal pasti dan difahami berdasarkan konteks linguistik dan situasi komunikasi dalam surah berkenaan. Seterusnya, kajian ini menghuraikan mesej-mesej tersirat yang disampaikan melalui ayat tanya, termasuk unsur ancaman, penegasan, peringatan, celaan, dan ajakan kepada refleksi, selaras dengan tujuan retorik ayat-ayat tersebut. Penerapan Teori Relevans dalam kajian ini diharap dapat membantu menghasilkan penjelasan pragmatik yang lebih terperinci dan mendalam, khususnya berkaitan strategi komunikasi *al-Qur’ān* dalam menyampaikan mesej melalui bentuk pertanyaan yang tidak dinyatakan secara langsung. Hasil kajian ini dijangka memberi sumbangan bermakna kepada bidang pragmatik *al-Qur’ān* dan linguistik Arab, serta menjadi rujukan penting bagi bakal pengkaji dan pendidik bahasa Arab. Di samping itu, kajian ini juga diharap dapat membantu mendidik masyarakat untuk memahami dan menghargai makna-makna tersirat dalam ayat tanya Surah al-Mulk dengan lebih sistematik, kritis, dan mendalam.

3.0 KAJIAN LITERATUR

Terdapat kajian lepas yang menulis tentang ayat tanya ini melalui kajian pragmatik iaitu: Ayat tanya Dalam *al-Qur’ān*: Satu kajian pragmatik. Surah yang dikaji adalah surah al-An‘ām. (Zakaria, 2019) Terdapat perbezaan antara kajian ini dan kajian lepas yang mana surah yang dipilih iaitu surah al-Mulk ini memanfaatkan ayat tanya untuk membangun kesedaran eksistensial, ancaman, dan ketundukan melalui struktur retorik yang padat dan bersiri. Antara maksud tersirat yang dijangka ditemui dalam kajian ini termasuklah unsur peringatan tentang kekuasaan dan pembalasan Allah, ancaman terhadap mereka yang ingkar, mempersenda kedegilan golongan musyrikin, menakut-nakutkan manusia

dengan azab yang bakal menimpa, serta celaan terhadap mereka yang lalai daripada menginsafi kebesaran-Nya. Analisis terhadap maksud-maksud ini akan memberi pemahaman yang lebih jelas tentang strategi retorik yang digunakan dalam surah al-Mulk, khususnya bagaimana ayat tanya menjadi alat komunikasi yang efektif untuk menggugah kesedaran, membentuk emosi, dan mengajak kepada refleksi diri. Sebaliknya, surah al-An‘am menggunakan ayat tanya dalam konteks dialogik dan hujah teologi yang lebih luas, melibatkan pelbagai jenis fungsi pragmatik. Perbezaan ini secara tidak langsung dapat membuka ruang kajian komparatif pragmatik yang boleh memberikan sumbangan signifikan dalam bidang linguistik Qur’ani dan tafsir wacana moden.

3.1 Teori Relevan

Kajian ini menggunakan Teori Relevan (TR) yang dapat membantu menghuraikan makna ujaran di sebalik ayat tanya dalam surah al-Mulk. Teori Relevan diasaskan oleh Dan Sperber dan Deidre Wilson pada tahun 1986 melalui buku ‘Relevance Communication and Cognition’ (Nor Hashimah Jalaludin, 1992). Prinsip relevans lebih menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami antara penutur dengan pendengar.

Relevans yang optimal adalah setiap ujaran itu mempunyai kesan konteks yang maksimum yang dapat dirumuskan dalam masa sesingkat mungkin. Dengan itu, konteks haruslah seimbang dengan masa memproses bagi menghasilkan kandungan maklumat yang diharapkan. Tiga gagasan utama yang ditekankan dalam Teori Relevan dalam pentafsiran makna ialah konteks, kesan konteks dan kos proses. Konteks ialah beberapa andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks yang dimaksudkan merangkumi konteks persekitaran fizikal, ujaran terdahulu, masa depan, hipotesis saintifik dan faktor sosial yang melatari konteks ujaran tersebut dituturkan. Kesemuanya memainkan peranan dalam interpretasi ujaran.

Menurut Zaiton Ismail (2003) kesan konteks atau kesan kognitif ialah andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar. Kesemuanya tersimpan sebagai catatan ensiklopedia penutur dan pendengar. Dengan kata lain, ia merujuk kepada pengetahuan sedia ada yang dimiliki oleh pendengar tentang maklumat yang berkaitan dengan dirinya. Pengetahuan ini tersimpan dalam minda pendengar dan penutur dalam bentuk catatan ensiklopedia mental, iaitu himpunan maklumat dan pengalaman yang pernah diperolehi. Apabila pendengar menerima maklumat baharu daripada ujaran penutur, maklumat tersebut akan dipadankan dengan pengetahuan sedia ada untuk membantu pendengar memahami mesej dengan lebih jelas dan tepat.

Proses ini berlaku melalui tiga bentuk penyesuaian maklumat:

1. Penggabungan maklumat – maklumat baharu akan disepadukan dengan maklumat sedia ada untuk melengkapkan kefahaman.
2. Pengukuhan maklumat – maklumat baharu akan menguatkan pengetahuan atau andaian lama yang sudah wujud dalam minda pendengar.
3. Pengguguran maklumat – maklumat baharu yang bercanggah dengan pengetahuan lama menyebabkan pendengar menolak atau meninggalkan andaian sebelumnya.

Melalui ketiga-tiga proses ini, pendengar dapat mencapai kesan konteks yang tinggi, iaitu kefahaman yang lebih mendalam terhadap maksud sebenar ujaran penutur.

Selain kesan konteks, usaha memproses maklumat juga perlu diberi perhatian. Usaha ini merujuk kepada tenaga mental yang digunakan oleh pendengar untuk mentafsir dan menghuraikan makna ujaran. Semakin mudah maklumat baharu difahami kerana sesuai dengan konteks dan pengetahuan sedia ada, semakin rendah usaha pemprosesan yang diperlukan. Sebaliknya, jika maklumat baharu itu rumit atau kurang relevan, pendengar memerlukan usaha yang lebih besar untuk memahaminya.

4.0 METODOLOGI

Kajian ini adalah penyelidikan teks dokumen dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks dari perspektif pragmatik linguistik yang menganalisis wacana ayat tanya dalam surah *al-Mulk*.

Pengkaji melakukan penelitian terhadap pelbagai ayat tanya dan makna ayat dalam surah ini sama ada membawa makna implisit atau eksplisit. Data kajian dianalisis berlandaskan Teori Relevan yang dikemukakan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan kemudian diolah mengikut kesesuaian kajian teks Al-Quran.

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah analisis kandungan teks dengan menggunakan kaedah deskriptif. Manakala pendekatan digunakan untuk mencapai objektif kajian ini ialah pendekatan kualitatif. Pendekatan ini memfokuskan kepada usaha bagi mengesan makna-makna implisit mahupun eksplisit ujaran ayat tanya dalam surah *al-Mulk*. Kaedah kajian ini dibentuk sejajar dengan matlamat dan objektif kajian.

5.0 PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Data 1

1. الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا مَّا تَرَى فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِن تَفَوتٍ فَأَرِجْ أَبْصَرَ هَلْ تَرَى مِن فُطُورٍ ﴿٥﴾

Data	Ayat	Makna Leksikal/Eksplisit
1	الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا مَّا تَرَى فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِن تَفَوتٍ فَأَرِجْ أَبْصَرَ هَلْ تَرَى مِن فُطُورٍ	Dialah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan - (mu) - <i>dapatkan engkau melihat sebarang kecacatan?</i>

Berpandukan kepada terjemahan atau maksud eksplisit ayat di atas pada data (1) ini didapati bahawa Allah telah menunjukkan kekuasaan-Nya dengan menyatakan tidak terdapat sesuatu ketidakseimbangan pada kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis, maka Allah mengarahkan hamba-Nya untuk mngulangi pandangan itu lantas bertanya kepada hamba-Nya bahawa adakah terdapat sebarang kecacatan? Dapat dinyatakan di sini bahawa makna eksplisit untuk ayat tanya “adakan terdapat sebarang kecacatan atau tidak seimbang?” adalah tidak tepat dengan konteks ujaran sebenar. Jelas bahawa pendengar sudah tentu sedar pertanyaan di sini bukanlah bertujuan bahawa penutur (Allah) ingin menanyakan sesuatu yang tidak difahami-Nya tetapi untuk menyampaikan sesuatu maksud yang lebih jauh daripada makna leksikalnya atau eksplisit. Melalui Teori Relevan dalam sudut pandang pragmatik, makna dalam data (1) ini diketahui.

Bagi membantu menginterpretasi makna sebenar data (1), memahami konteks adalah perlu bagi pendengar dan ia merupakan gagasan pertama dalam Teori Relevan ini. Apabila mendengar ayat ini, pendengar atau pembaca akan cuba memahaminya dengan melihat latar belakang ayat ini. Dalam Tafsir Fi Zilalil Quran oleh Sayyid Qutb (2004), Allah menyatakan bahawa langit-langit yang diciptakan-Nya adalah sempurna tanpa sebarang kecacatan. Menurut *Tafsir al-Tabari* (2001), frasa هَلْ تَرَى مِن فُطُورٍ membawa maksud “tidak akan engkau

dapati sebarang kecacatan, keretakan atau kepincangan pada ciptaan-Nya.” Hal ini selari dengan *Tafsir Ibn Kathir* (1999), yang menegaskan bahawa Allah mengajak manusia untuk merenung dan memerhatikan ciptaan-Nya supaya mereka mengakui kesempurnaan ciptaan-Nya dan kebesaran kekuasaan-Nya. Begitu juga, *Tafsir al-Qurtubi* (2006) menekankan bahawa ayat ini merupakan bentuk celaan halus terhadap manusia yang lalai merenung kebesaran Allah, sambil menolak tanggapan golongan musyrikin yang meragui kesempurnaan alam semesta.

Berdasarkan Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1995), pemahaman terhadap ayat ini melibatkan dua aspek utama iaitu kesan konteks dan usaha pemprosesan. Dari segi kesan konteks, pertanyaan ini membawa mesej peringatan supaya manusia merenung tanda-tanda kekuasaan Allah melalui ciptaan langit yang sempurna, serta menimbulkan rasa kagum dan insaf terhadap kebesaran-Nya. Bagi pendengar atau pembaca, mesej ini dapat difahami dengan mudah kerana ia selaras dengan pengetahuan umum manusia tentang keindahan dan keteraturan ciptaan alam.

Manakala dari sudut usaha pemprosesan, pertanyaan ini tidak memerlukan beban kognitif yang tinggi kerana maknanya jelas dan langsung yang mana pembaca dapat memahami bahawa pertanyaan ini bukanlah bertujuan mendapatkan jawapan, tetapi berfungsi sebagai peringatan dan pengukuhan keyakinan tentang kesempurnaan ciptaan Allah. Seperti yang ditegaskan oleh Ibn ‘Ashur dalam *al-Tahrir wa al-Tanwir* (1984), ayat ini juga mengandungi gaya *istifhām inkārī* — iaitu pertanyaan berbentuk penolakan yang menegaskan bahawa tidak ada sebarang kecacatan dalam ciptaan-Nya.

Oleh itu, secara pragmatik, ayat ini berfungsi menyampaikan beberapa mesej implisit:

1. Peringatan kepada manusia agar merenung tanda-tanda kebesaran Allah.
2. Ancaman halus terhadap golongan yang ingkar kerana mereka gagal melihat bukti kekuasaan-Nya.
3. Celaan tersirat terhadap mereka yang lalai daripada memikirkan kesempurnaan ciptaan Allah.

Dengan menggabungkan analisis tafsir klasik dan pendekatan pragmatik moden, jelas bahawa ayat tanya dalam Surah al-Mulk ayat 3 memainkan peranan penting dalam menggugah kesedaran manusia, meneguhkan keyakinan tauhid, dan menanam rasa kagum serta takut kepada Allah SWT.

Data 2

2. تَكَادُ تَمَيِّزُ مِنَ الْغَيْظِ كُلَّمَا أُلْقِيَ فِيهَا فَوْجٌ سَأَلَهُمْ خَزَنَتُهَا أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ ﴿٨﴾

Data	Ayat	Makna Leksikal/Eksplisit
2	تَكَادُ تَمَيِّزُ مِنَ الْغَيْظِ كُلَّمَا أُلْقِيَ فِيهَا فَوْجٌ سَأَلَهُمْ خَزَنَتُهَا أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ	Hampir terpecah (neraka) itu kerana marah. Setiap kali dilemparkan ke dalamnya sekumpulan (orang kafir), para penjaganya bertanya kepada mereka, "Apakah belum pernah datang kepada kamu seorang pemberi peringatan?"

Makna Explisit ayat di data 2 ini menceritakan keadaan neraka yang hampir terpecah dan meledak kerana marah. Apabila orang kafir dicampakkan ke dalamnya, penjaga neraka bertanya kepada mereka: *Apakah belum pernah datang kepada kamu seorang pemberi peringatan?*. Konteks ayat ini menggambarkan betapa dahsyatnya kemarahan neraka terhadap orang-orang yang ingkar. Malaikat penjaga neraka bertanya kepada mereka bahawa pernahkah diperingatkan di dunia, dan mereka menjawab sesungguhnya mereka telah mengabaikan nasihat dan risalah para rasul. Ini menggambarkan penyesalan dan penderitaan yang mereka alami sebagai akibat dari keingkaran mereka sendiri. Ayat ini sebenarnya ada perkaitan dengan ayat selepasnya:

قَالُوا بَلَىٰ قَدْ جَاءَنَا نَذِيرٌ فَكَذَّبْنَا وَقُلْنَا مَا نَزَّلَ اللَّهُ مِن شَيْءٍ إِنْ أَنُتُمْ إِلَّا فِي ضَلَالٍ كَبِيرٍ ﴿٩﴾

Mereka menjawab: Ada! Sebenarnya telah datang kepada kami seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran, lalu kami dustakan serta kami katakan (kepadanya): Allah tidak menurunkan sesuatupun, kamu (wahai orang yang mendakwa menjadi Rasul) hanyalah berada dalam kesesatan yang besar!

Ayat 8 ini Allah SWT menggambarkan keadaan neraka yang hampir meledak kerana kemarahannya terhadap orang-orang kafir. Ketika mereka dicampakkan ke dalamnya, malaikat penjaga neraka bertanya: “أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ” (“*Bukankah telah datang kepada kamu seorang pemberi peringatan?*”). Pertanyaan ini pada zahirnya kelihatan seperti soalan biasa, namun dari sudut pragmatik, ia

sebenarnya merupakan ayat tanya retorik berbentuk *istifhām taubikhi* (pertanyaan yang membawa maksud celaan). Menurut *Tafsir Ibn Kathir* (1999, jil. 8, hlm. 182), pertanyaan ini digunakan oleh malaikat sebagai teguran keras dan celaan mendalam terhadap golongan kafir kerana mereka telah menerima peringatan para rasul, tetapi tetap memilih untuk mendustakan kebenaran. *Tafsir al-Qurtubi* (2006, jil. 18, hlm. 208) pula menegaskan bahawa pertanyaan ini merupakan bentuk penghinaan dan mempermalukan mereka di hadapan azab neraka kerana alasan mereka untuk menolak risalah telah gugur sama sekali.

Dari perspektif Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1995: 125), ayat ini memberikan kesan konteks yang jelas kepada pendengar. Maklumat baharu yang terkandung dalam pertanyaan malaikat digabungkan dengan pengetahuan sedia ada bahawa para rasul telah diutuskan untuk memberi amaran tentang azab Allah. Pendengar memahami bahawa para rasul benar-benar telah datang, dan peringatan telah disampaikan dengan lengkap. Dalam proses pemahaman ini, maklumat baharu tersebut mengukuhkan pengetahuan sedia ada mengenai kewajipan menerima risalah dan kebenaran ancaman azab, di samping menggugurkan sebarang andaian bahawa golongan kafir boleh beralih dengan alasan tidak pernah menerima peringatan. Ayat 9 yang menyusul pula mengesahkan hakikat ini apabila golongan kafir sendiri mengakui bahawa mereka pernah menerima peringatan tetapi tetap memilih untuk mendustakannya.

Dari segi usaha pemprosesan, mesej tersirat dalam ayat ini dapat difahami dengan mudah kerana jawapan kepada pertanyaan tersebut dinyatakan secara jelas pada ayat berikutnya. Pendengar atau pembaca tidak memerlukan penalaran yang kompleks untuk menangkap maksud tersiratnya. Pertanyaan ini bukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat baharu, tetapi untuk mencela dan menegur keras golongan kafir kerana keingkaran mereka terhadap peringatan yang telah diberikan. Bentuk bahasa seperti ini juga dekat dengan kebiasaan komunikasi harian pendengar, di mana pertanyaan sering digunakan untuk menyindir atau mencela, menjadikan maksud implisitnya mudah difahami tanpa usaha pemprosesan yang tinggi.

Oleh itu, dari sudut analisis pragmatik, ayat tanya dalam *Surah al-Mulk* ayat 8 berperanan besar sebagai alat retorik untuk mencela, mempermalukan, dan menegur golongan kafir di hadapan azab yang mereka sendiri pilih akibat kedegilan dan keingkaran mereka. Pada masa yang sama, ia memberikan peringatan keras kepada pendengar beriman bahawa menolak peringatan Allah akan membawa akibat yang sangat dahsyat. Pendekatan ini selaras dengan kaedah Teori Relevans, di mana pertanyaan tersebut menghasilkan kesan konteks yang

tinggi dengan usaha pemprosesan yang rendah, sekali gus menjadikannya berkesan untuk menggugah kesedaran, menimbulkan rasa takut, dan mengukuhkan keyakinan terhadap kebenaran risalah para rasul.

Data 3

3. أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٦﴾

Data	Ayat	Makna Leksikal/Eksplisit
3	أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ	Apakah (Allah) yang menciptakan itu tidak mengetahui (segala sesuatu)? Dan Dia Maha Lembut, Maha Mengetahui.

Pertanyaan “Apakah Allah yang menciptakan itu tidak mengetahui segala sesuatu?”. Dalam data 3 ini apabila dirungkai oleh pendengar atau pembaca mengenai konteksnya, ia mempunyai hubungannya dengan ayat yang sebelum yang menyatakan bahawa Allah Maha Mengetahui akan segala isi hati yang terkandung di dalam dada sama ada manusia itu menuturkan perkataan dengan perlahan atau kuat,

وَأَسِرُّوا قَوْلَكُمْ أَوِ اجْهَرُوا بِهِ ۖ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿١٧﴾

Dan tuturkanlah perkataan kamu dengan perlahan atau dengan nyaring, (sama sahaja keadaannya kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada.

Ayat ini mengandungi bentuk ayat tanya retorik melalui frasa “أَلَا يَعْلَمُ” (*“Tidakkah Dia yang menciptakan mengetahui?”*). Dari perspektif pragmatik, pertanyaan ini bukan bertujuan untuk mendapatkan jawapan daripada pendengar, tetapi berfungsi sebagai penegasan mutlak terhadap ilmu Allah yang meliputi segala sesuatu. Menurut Tafsir Ibn Kathir (1999, jil. 8, hlm. 184), ayat ini menegaskan bahawa Allah mengetahui segala yang diciptakan-Nya, baik yang zahir mahupun tersembunyi, kerana Dialah yang menciptakan makhluk-makhluk itu. Begitu juga Tafsir al-Tabari (2001: 618) menyatakan bahawa ayat ini adalah bentuk pengukuhan tauhid dan penolakan terhadap

sangkaan golongan kafir yang meragui pengetahuan Allah terhadap hamba-hamba-Nya.

Dari sudut Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1995), ayat ini memberikan kesan konteks yang tinggi kerana pendengar secara automatik mengaitkan maklumat baharu ini dengan pengetahuan sedia ada bahawa Allah ialah Pencipta dan sifat-Nya meliputi ilmu yang sempurna. Maklumat baharu dalam ayat ini mengukuhkan pengetahuan lama tentang kesempurnaan ilmu Allah dan menggugurkan andaian golongan kafir yang mengingkari keilmuan Allah. Oleh sebab itu, pertanyaan ini dapat dikategorikan sebagai *istifhām taqrīrī*, iaitu pertanyaan yang bertujuan menegaskan kebenaran dan memaksa pendengar mengakui hakikat tersebut.

Dari segi usaha pemprosesan, mesej tersirat ayat ini sangat mudah difahami kerana maknanya jelas dan bertepatan dengan fitrah. Pendengar tidak memerlukan analisis mendalam untuk menangkap maksudnya. Ayat ini bukanlah pertanyaan sebenar, tetapi penegasan hakikat bahawa Allah mengetahui segala sesuatu. Sebagaimana diuraikan dalam Tafsir al-Qurtubi (2006, jil. 18, hlm. 213), bentuk bahasa seperti ini digunakan untuk menolak keraguan dan mengukuhkan keyakinan manusia terhadap kesempurnaan ilmu Allah.

Secara pragmatik, pertanyaan dalam ayat 14 ini membawa mesej tersirat bahawa pengetahuan Allah adalah mutlak dan meliputi segala ciptaan-Nya. Dalam kerangka Teori Relevans, maklumat baharu pada ayat ini dikukuhkan melalui gabungan dengan pengetahuan lama, menghasilkan kesan konteks yang tinggi dengan usaha pemprosesan yang minimum. Oleh itu, ia berfungsi sebagai penegasan retorik untuk memperkuat keimanan, menolak keraguan, dan mengingatkan manusia bahawa tidak ada satu pun perkara yang tersembunyi daripada pengetahuan Allah SWT.

Data 4

4. ءَأَمِنْتُمْ مِّنَ فِي السَّمَاءِ أَن يَخْسِفَ بِكُمُ الْأَرْضَ فَإِذَا هِيَ تَمُورُ ﴿١٤﴾ أَمْ أَمِنْتُمْ مِّنَ فِي السَّمَاءِ أَن يُرْسِلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا فَسَتَعْلَمُونَ كَيْفَ نَذِيرِ ﴿١٥﴾ وَلَقَدْ كَذَّبَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿١٦﴾ أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الظُّلُمِ قُوتَهُمْ صَفَّتْ وَبَقِيضٌ مَّا يُنْسِكُهُنَّ إِلَّا الرَّحْمَنُ إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ بَصِيرٌ ﴿١٧﴾ أَمَّنْ هَذَا الَّذِي هُوَ جُنْدٌ لَّكُمْ يَنصُرُكُم مِّن دُونِ الرَّحْمَنِ إِنِ الْكَافِرُونَ إِلَّا فِي غُرُورٍ ﴿١٨﴾ أَمَّنْ هَذَا الَّذِي يَرْفُكُمُ إِنِ أُمْسَكَ رِزْقَهُ، بَلْ لَّجُّوا فِي عُتُوٍّ وَنُفُورٍ ﴿١٩﴾ أَفَمَن يَمُنِّي مَكِبًّا عَلَى وَجْهِهِ أَهْدَىٰ أَمَّن يَمُنِّي سَوِيًّا عَلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ

Data	Ayat	Makna Leksikal/Eksplisit
4	أَمِنْتُمْ مَّن فِي السَّمَاءِ أَنْ يَخْسِفَ بِكُمُ الْأَرْضَ فَإِذَا هِيَ تَمُورُ (16) أَمْ أَمِنْتُمْ مَّن فِي السَّمَاءِ أَنْ يُرْسِلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا فَسَتَعْلَمُونَ كَيْفَ نَذِيرِ (17) وَلَقَدْ كَذَّبَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ (18) أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الطَّيْرِ فَوْقَهُمْ صَلَّتْ وَيَقْضِيْنَ مَا يُمَسْكُنْنَ إِلَّا الرَّحْمَنُ إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ بَصِيرٌ (19) أَمَّنْ هَذَا الَّذِي هُوَ جُنْدٌ لَّكُمْ يَنْصُرُكُم مِّن دُونِ الرَّحْمَنِ إِنِ الْكَافِرُونَ إِلَّا فِي غُرُورٍ (20)	Apakah kamu merasa aman terhadap (hukuman dari) Yang (berkuasa) di langit bahawa Dia akan memusing dan membalikkan bumi bersama kamu sehingga dengan serta-merta bumi itu bergoncang?" Atau patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Allah yang pusat pemerintahannya di langit itu: menghantarkan kepada kamu angin ribut yang menghujani kamu dengan batu; maka dengan itu, kamu akan mengetahui kelak bagaimana buruknya kesan amaran-Ku? Dan demi sesungguhnya! orang-orang (kafir) yang terdahulu daripada mereka telah mendustakan (rasul-rasulnya lalu mereka dibinasakan); dengan yang demikian, (perhatikanlah) bagaimana buruknya kesan kemurkaan-Ku.? Patutkah mereka tidak memerhatikan (kekuasaan Allah pada) burung-burung yang terbang di atas mereka, (siapakah yang menjaganya ketika) burung-burung itu mengembang dan menutupkan sayapnya? Tidak ada yang menahannya (daripada jatuh) melainkan (kekuasaan) Allah Yang Maha Pemurah. Sesungguhnya Ia Maha Melihat serta mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. Bahkan siapa dia yang menjadi tentera bagi kamu, yang akan menolong kamu selain dari Allah Yang Maha Pemurah? (Sebenarnya) orang-orang yang kafir tidak lain hanyalah berada dalam keadaan terpedaya.

أَمَّنْ هَذَا الَّذِي يَرْزُقُكُمْ إِنْ أَمْسَكَ رِزْقَهُ، بَلْ حُبُوا فِي عُتُوٍّ وَنُفُورٍ (21) أَفَمَنْ يَمْشِي مُكِبًّا عَلَى وَجْهِهِ أَهْدَىٰ أَمَّنْ يَمْشِي سَوِيًّا عَلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ (22)	Atau siapa dia yang dapat memberi rezeki kepada kamu jika Allah menahan rezeki-Nya? (Tidak ada sesiapaupun), bahkan mereka (yang musyrik itu) kekal terus dalam keadaan sombong angkuh serta melarikan diri (dari kebenaran). <i>Maka adakah orang yang berjalan (melalui jalan yang tidak betul, yang menyebabkan dia selalu jatuh) tersungkur di atas mukanya: boleh mendapat hidayah - atau orang yang berjalan tegak betul, melalui jalan yang lurus rata?</i>
--	--

Dalam menelusuri rangkaian ayat 16 hingga 22 Surah al-Mulk, didapati Allah SWT mengemukakan beberapa pertanyaan bertubi-tubi yang bersifat retorik dan sarat dengan mesej ancaman, celaan, dan peringatan terhadap golongan kafir yang degil serta enggan menerima kebenaran. Menurut *Tafsir al-Tabari* (2001, jil. 23, hlm. 621), pertanyaan-pertanyaan ini datang dalam bentuk istifhām inkārī dan istifhām taubikhī, iaitu pertanyaan yang bukan bertujuan mendapatkan jawapan, tetapi untuk menolak dakwaan, mencela kesombongan, dan menggugah kesedaran manusia tentang kekuasaan Allah SWT.

Pada ayat 16 dan 17, Allah SWT bertanya sama ada manusia merasa aman daripada kemungkinan bumi digoncangkan atau dihujani batu sebagai bentuk azab. Dari sudut Teori Relevans, maklumat baharu yang dibawa pertanyaan ini digabungkan dengan pengetahuan sedia ada pendengar bahawa Allah berkuasa mutlak ke atas alam semesta. Pendengar membuat inferens bahawa tiada ruang selamat bagi makhluk jika Allah menghendaki kebinasaan. Pada masa yang sama, maklumat ini mengukuhkan kefahaman tentang keagungan Allah dan menggugurkan andaian palsu golongan kafir bahawa mereka kebal daripada hukuman-Nya. *Tafsir Ibn Kathir* (1999, jil. 8, hlm. 185) menjelaskan bahawa pertanyaan ini juga mengandungi unsur menakut-nakutkan dan menghina mereka yang angkuh kerana berasa aman daripada kekuasaan Allah.

Ayat ini berkesinambungan dengan pertanyaan seterusnya di ayat yang ke 18: ((Dan demi sesungguhnya! orang-orang (kafir) yang terdahulu daripada

mereka telah mendustakan (rasul-rasulnya lalu mereka dibinasakan); dengan yang demikian, (perhatikanlah) bagaimana buruknya kesan kemurkaan-Ku.?) yang mana Allah bertanya lagi kepada mereka bagaimana buruknya kesan kemarahan Allah terhadap umat-umat terdahulu seperti kaum 'Ād, Ṭamūd yang telah mendustakan rasulnya lalu mereka dibinasakan. Allah mengingatkan bahawa kaum 'Ād, Ṭamūd dan umat-umat lain yang ingkar telah dibinasakan kerana keengganan mereka menerima peringatan. Dari sudut TR, maklumat baharu ini digabungkan dengan pengetahuan sejarah yang sedia ada, seterusnya mengukuhkan kefahaman pendengar bahawa azab Allah adalah realiti, bukan sekadar ancaman kosong. Kesan konteksnya sangat tinggi kerana ia membawa pendengar kepada satu kesimpulan logik bahawa nasib golongan kafir pada masa itu tidak akan berbeza jika mereka terus menolak kebenaran.

Di ayat yang ke19 pula Allah berfirman: ((Patutkah mereka menutup mata dan tidak memerhatikan (kekuasaan Allah pada) burung-burung yang terbang di atas mereka, (siapakah yang menjaganya ketika) burung-burung itu mengembang dan menutupkan sayapnya? Tidak ada yang menahannya (daripada jatuh) melainkan (kekuasaan) Allah Yang Maha Pemurah. Sesungguhnya Ia Maha Melihat serta mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.)). Makna eksplisit ayat ini masih lagi menceritakan tentang kekuasaan Allah. Jika ayat yang sebelum ini menggambarkan tentang kekuasaan Allah untuk menerbalikkan bumi, menghantar ribut taufan serta membinasakan golongan yang terdahulu yang tidak membenarkan rasul-rasul-Nya, maka dalam ayat ini pula Allah memberitahu kekuasaan-Nya dalam penciptaan burung yang boleh mengembang dan menutupkan sayapnya tanpa jatuh dan bebas berterbangan di udara lantas bertanya kepada manusia siapakah yang menjaga burung-burung itu dari jatuh semasa mengembangkan sayapnya dan menutupnya kembali?. Tafsir al-Qurtubi (2006, jil. 18, hlm. 217) menegaskan bahawa pertanyaan ini bersifat peringatan agar manusia mengakui kekuasaan Allah dalam memelihara ciptaan-Nya. Dari sudut TR, maklumat baharu tentang kawalan Allah terhadap makhluk-Nya mengukuhkan pengetahuan sedia ada bahawa tiada daya dan upaya bagi makhluk melainkan dengan izin-Nya. Dalam masa yang sama, ia menggugurkan andaian bahawa alam semesta berfungsi secara bebas tanpa campur tangan Allah.

Manakala ayat ke-20 dan 21 pula sangat berkait rapat: ((Atau *siapa dia yang dapat memberi rezeki kepada kamu* jika Allah menahan rezekiNya? (Tidak ada sesiapa pun), bahkan mereka (yang musyrik itu) kekal terus dalam keadaan sombong angkuh serta melarikan diri (dari kebenaran).)) Kedua-dua ayat ini mengandungi pertanyaan tentang siapakah yang dapat menjadi penolong dan

siapakah yang dapat memberi rezeki selain Allah jika Dia menahannya. Jelas bahawa ayat-ayat ini membentuk ancaman dan celaan terhadap golongan kafir. Dari perspektif TR, maklumat baharu ini digabungkan dengan pengetahuan asas pendengar bahawa kehidupan manusia bergantung sepenuhnya kepada rezeki Allah, lalu ia mengukuhkan kefahaman bahawa makhluk tidak memiliki kuasa memberi manfaat atau mudarat kepada diri mereka sendiri. Tafsir Ibn Kathir (1999, jil. 8, hlm. 186) menegaskan bahawa ayat ini mengingatkan manusia supaya tidak bersandar kepada selain Allah dan menyedarkan bahawa kebergantungan mutlak hanyalah kepada-Nya.

Ayat ke 22-pula Allah berfirman: ((Maka *adakah orang yang berjalan* (melalui jalan yang tidak betul, yang menyebabkan dia selalu jatuh) tersungkur di atas mukanya: boleh mendapat hidayah - atau orang yang berjalan tegak betul, melalui jalan yang lurus rata?)). Ayat ini maksud eksplisitnya adalah gambaran terhadap dua golongan iaitu golongan yang berjalan tidak betul lalu tersungkur dan satu golongan lagi yang berjalan dengan lurus rata. Allah bertanya adakah sama keduanya dalam mendapat petunjuk Allah? Dalam menganalisis ayat ini, didapati bahawa makna leksikal atau terjemahan literal ini bukanlah makna sebenar yang ingin disampaikan oleh Allah S.W.T kerana makna leksikal ini kabur dalam konteks ujaran tersebut. Hal ini selaras dengan pendapat Nor Hashimah Jalaluddin (1992) bahawa bentuk-bentuk logik melahirkan makna ayat yang diujarkan tetapi banyak meninggalkan ketaksan dan rujukan yang belum diselesaikan. Walau bagaimanapun, huraian makna leksikal ini dilihat sebagai satu keperluan kerana dapat membantu penginterpretasian makna implisitnya. Di sini, pendengar cuba untuk mengandaikan ayat ini bahawa petunjuk dari Allah itu untuk orang yang dapat berjalan lurus dan bukannya orang yang berjalan dalam keadaan tersungkur di atas mukanya. Berdasarkan kitab I'rabul Qur'an oleh *Darwish* ia sebenarnya merupakan tamsilan antara golongan kafir dan golongan yang beriman bahawa sesungguhnya golongan kafir itu sesat manakala orang beriman pula berada dalam keredhaan Allah. Dari sudut TR, maklumat baharu ini digabungkan dengan pengetahuan pendengar tentang konsep hidayah dan kesesatan, seterusnya mengukuhkan kefahaman bahawa hanya orang beriman yang selamat. Pada masa yang sama, ia menggugurkan andaian lama bahawa golongan kafir akan mendapat nasib yang sama dengan orang beriman.

Secara keseluruhannya, rangkaian ayat 16 hingga 22 ini memberikan kesan konteks yang sangat tinggi kerana maklumat baharu yang disampaikan melalui pertanyaan-pertanyaan retorik ini mudah difahami oleh pendengar apabila dikaitkan dengan konteks keseluruhan surah dan pengetahuan sedia ada

tentang kekuasaan Allah, kebergantungan makhluk, dan kepastian azab. Dari sudut kos pemrosesan, ayat-ayat ini mudah difahami kerana maksud implisitnya jelas dan tidak memerlukan inferens yang kompleks. Pertanyaan-pertanyaan ini bukanlah untuk mendapatkan jawapan literal, tetapi untuk menegaskan kebesaran Allah, mencela keangkuhan golongan kafir, menakut-nakutkan mereka dengan azab, dan mengingatkan manusia supaya tunduk dan patuh kepada-Nya.

Data 5

5. قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَهْلَكَنِیَ اللَّهُ وَمَنْ مَعِیَ أَوْ رَحِمَنَا فَمَنْ یُجِیْرُ الْکَافِرِیْنَ مِنْ عَذَابِ أَلِیْمٍ ﴿٢٨﴾

Data	Ayat	Makna Leksikal/ Eksplisit
5	قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَهْلَكَنِیَ اللَّهُ وَمَنْ مَعِیَ أَوْ رَحِمَنَا فَمَنْ یُجِیْرُ الْکَافِرِیْنَ مِنْ عَذَابِ أَلِیْمٍ (28)	Tanyalah (wahai Muhammad, kepada mereka): "Bagaimana fikiran kamu, jika Allah binasakan daku dan orang-orang yang bersama-sama denganku (sebagaimana yang kamu harap-harapkan), atau Ia memberi rahmat kepada kami (sehingga kami dapat mengalahkan kamu), - maka siapakah yang dapat melindungi orang-orang yang kafir dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?".

Dengan berdasarkan makna leksikal yang dikemukakan di atas, ayat bagi data (5) ini diringkaskan sebagai bermaksud: ((Bagaimana fikiran kamu, jika Allah binasakan daku dan orang-orang yang bersama-sama denganku (sebagaimana yang kamu harap-harapkan), atau Ia memberi rahmat kepada kami (sehingga kami dapat mengalahkan kamu), - maka siapakah yang dapat melindungi orang-orang yang kafir dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?")) Ayat ini mempunyai dua pertanyaan. Pertama adalah: “Bagaimana fikiran kamu jika Allah mematikan kami ianya adalah satu bentuk kemenangan kepada kami untuk kami mengalahkanmu?”. Yang kedua: “Siapakah yang dapat melindungi orang kafir dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?”. Menurut Tafsir Ibn Kathir (1999, jil. 8, hlm. 189), ayat ini merupakan jawapan terhadap golongan musyrikin yang mendustakan dakwah Rasulullah SAW. Allah memerintahkan Nabi Muhammad SAW untuk menjelaskan bahawa kematian baginda atau para sahabat tidak akan

menjejaskan ketetapan azab ke atas mereka. Tafsir al-Qurtubi (2006, jil. 18, hlm. 230) pula menegaskan bahawa ayat ini merupakan bentuk celaan dan ancaman kerana mereka beranggapan bahawa wafatnya Rasulullah SAW akan membebaskan mereka daripada kebenaran dakwah dan azab Allah.

Dari perspektif Teori Relevans, maklumat baharu daripada pertanyaan ini digabungkan dengan pengetahuan sedia ada pendengar bahawa Allah Maha Berkuasa menetapkan kehidupan, kematian, dan azab. Proses penggabungan ini membolehkan pendengar membuat inferens bahawa azab Allah tidak bergantung kepada hidup atau matinya Rasulullah SAW. Maklumat ini juga mengukuhkan kefahaman sedia ada bahawa keselamatan hanya dicapai melalui keimanan dan ketaatan, bukan melalui penolakan kebenaran. Pada masa yang sama, pertanyaan ini menggugurkan andaian lama golongan kafir bahawa kewujudan Rasulullah SAW atau wafatnya baginda boleh memberi kesan terhadap takdir mereka; sebaliknya, mereka tetap akan menerima azab kerana kekufuran dan kesombongan mereka.

Dari sudut kos pemprosesan, maksud implisit ayat ini mudah difahami kerana jawapan tersiratnya jelas dan selaras dengan konteks keseluruhan surah. Pendengar tidak memerlukan analisis yang kompleks untuk membuat inferens bahawa pertanyaan ini bukan bertujuan mendapatkan jawapan literal, tetapi sebagai amaran keras, celaan, dan penegasan bahawa tiada siapa pun yang dapat melindungi golongan kafir daripada azab Allah. Ini juga selari dengan Tafsir al-Tabari (2001, jil. 23, hlm. 634) yang menyatakan bahawa pertanyaan ini merupakan *istifhām taubikhī*, iaitu pertanyaan yang membawa maksud celaan keras terhadap mereka yang enggan menerima kebenaran.

Oleh itu, berdasarkan kerangka Teori Relevans, pertanyaan dalam ayat ini menghasilkan kesan konteks yang tinggi kerana maklumat baharu digabungkan dengan pengetahuan sedia ada tentang kekuasaan dan ketetapan Allah, keyakinan dikukuhkan bahawa azab Allah pasti menimpa golongan kafir tanpa mengira hidup atau matinya Rasulullah SAW serta andaian lama digugurkan bahawa kedudukan Nabi menentukan keselamatan mereka. Secara pragmatik, dua pertanyaan dalam ayat ini berperanan sebagai ancaman yang tegas, peringatan yang mendalam, dan celaan keras terhadap golongan musyrikin, sambil memberi isyarat jelas bahawa dakwah Nabi Muhammad SAW bukanlah untuk berdebat mencari kemenangan hujah, tetapi sebagai usaha untuk menyelamatkan mereka agar kembali kepada Allah dan terselamat daripada azab yang pedih.

Data 6

6. قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَاؤُكُمْ غَوْرًا فَمَنْ يَأْتِيكُمْ بِمَاءٍ مَّعِينٍ ﴿٣٠﴾

Data	Frasa/perkataan	Makna Linguistik/Eksplisit
6	قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَاؤُكُمْ غَوْرًا فَمَنْ يَأْتِيكُمْ بِمَاءٍ مَّعِينٍ (30)	Katakanlah lagi: "Bagaimana fikiran kamu, sekiranya air kamu hilang lenyap (di telan bumi), maka siapakah (selain Allah) yang dapat mendatangkannya kepada kamu air yang sentiasa terpancar mengalir?"

Ayat ini menutup Surah al-Mulk dengan pertanyaan retorik yang sangat kuat kesannya. Menurut Tafsir Ibn Kathir (1999, jil. 8, hlm. 190), ayat ini merupakan peringatan keras bahawa manusia bergantung sepenuhnya kepada nikmat Allah, khususnya air, sebagai sumber kehidupan. Tafsir al-Tabari (2001, jil. 23, hlm. 638) menjelaskan bahawa Allah mencabar golongan kafir bahawa jika air yang diminum itu diserap ke dalam bumi dan tidak dapat dikeluarkan, siapakah yang mampu mendatangkannya kembali selain Allah? Tafsir al-Qurtubi (2006, jil. 18, hlm. 233) pula menegaskan bahawa pertanyaan ini adalah bentuk celaan kepada mereka yang lalai mensyukuri nikmat Allah, kerana jika Allah menahannya, tiada makhluk pun yang dapat memulangkannya.

Dari perspektif Teori Relevans, pertanyaan ini memberikan kesan konteks yang tinggi kerana ia menyentuh aspek kehidupan yang paling asas iaitu air sebagai sumber kelangsungan hidup. Maklumat baharu dalam ayat ini digabungkan dengan pengetahuan sedia ada pendengar bahawa manusia tidak dapat hidup tanpa air. Proses inferens ini membuat pendengar menyedari betapa lemahnya mereka jika Allah menarik balik nikmat tersebut. Maklumat ini juga mengukuhkan kefahaman lama bahawa segala nikmat adalah mutlak milik Allah dan tidak boleh ditandingi oleh sesiapa. Pada masa yang sama, ia menggugurkan andaian palsu golongan kafir yang merasa bahawa rezeki dan sumber kehidupan mereka datang daripada kekuatan atau usaha mereka sendiri.

Dari segi kos pemprosesan, pertanyaan ini sangat mudah difahami. Pendengar tidak perlu melakukan penalaran yang rumit kerana mesejnya jelas dan dekat dengan pengalaman manusia sehari-hari bahawa tanpa air, kehidupan

akan musnah. Pertanyaan ini tidak bertujuan mendapatkan jawapan literal, tetapi berfungsi sebagai amaran, ancaman, dan celaan keras terhadap golongan kafir yang angkuh dan bongkak, serta sebagai peringatan mendalam kepada semua manusia bahawa mereka wajib tunduk, patuh, dan mensyukuri Allah SWT.

Secara pragmatik, ayat 30 ini menutup surah dengan gaya *istifhām inkārī* (pertanyaan penolakan) yang berperanan menimbulkan kesedaran bahawa manusia hanya hidup kerana rahmat Allah, dan jika nikmat itu ditarik, tiada siapa pun yang mampu mengembalikannya. Dengan itu, pertanyaan ini melahirkan rasa takut, tunduk, dan insaf, sekali gus mengukuhkan mesej utama Surah al-Mulk tentang kekuasaan Allah yang mutlak dan kelemahan manusia yang total.

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa ayat-ayat tanya yang digunakan dalam surah al-Mulk ini bukanlah persoalan yang memerlukan kepada jawapan dan penjelasan tetapi ianya mempunyai maksud yang tersirat atau maksud implisit yang mana pendengar atau pembaca perlu menerokainya. Berdasarkan Teori Relevan, maksud implisit untuk setiap ayat tanya ini diperolehi. Sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini, teori ini adalah satu cara untuk mendapatkan maksud yang tersirat atau implisit. Apabila teori ini diaplikasikan dalam pencarian maksud implisit ini, ia telah berjaya menemukan setiap maksud ayat tanya ini. Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa penggunaan ayat tanya yang pelbagai dalam surah al-Mulk berfungsi sebagai memberi peringatan, ancaman, mempersenda, dan juga memberi maksud untuk menakut-nakutkan dan mencela. Ujaran ayat tanya dalam surah Al-Mulk ini mencerminkan ketinggian dan kekayaan bahasa *Al-Qur'ān* dalam berinteraksi kepada manusia. Maka jelaslah dengan data kajian yang dianalisis menggunakan pendekatan pragmatik berdasarkan Teori Relevan Sperber dan Wilson (1986) dan diolah mengikut kesesuaian kajian teks *Al-Qur'ān* berdasarkan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh tafsir- tafsir yang muktabar maksud implisit untuk 12 ayat tanya dalam surah al Mulk ini diperolehi. Diharapkan dengan menggunakan pendekatan ini, banyak lagi teks-teks Arab yang lain boleh diselami contohnya: novel Arab, *Maqāmāt*, puisi-puisi Arab dan juga cerita yang ditayangkan di media sosial.

RUJUKAN

- Abbas, Fadhl Hassan. (2017). *Tafsir Al-Quran AlMajid*. Amman: perpustakaan kebangsaan.
- al-Qurtubi, A. A. (2006). *Al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān* (Vol. 18, pp. 205–233). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Tabari, M. J. (2001). *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy al-Qur’ān* (Vol. 23, pp. 605–638). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Darwish, Muhyiddin. (2002). *I’rabul Qur’an wa bayanuhu*. Jilid 8. Bairut: Darul yamamah.
- Ibn ‘Āshūr, M. T. (1984). *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* (Vol. 29, p. 49). Tunis: Dār al-Tunisiyyah li al-Nashr.
- Ibn Kathīr, I. I. (2013). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (al-Mujallad al-Thāmin) (al-Haythamī & al-‘Asqalānī, Eds.). Beirut: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- Ibn Kathir, I. I. U. (1999). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (Vol. 8, pp. 181–190). Riyadh: Dār Ṭayyibah.
- Muhamad Zaidi Zakaria, Ibrahim Abdullah & Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad. (2019). Ayat Tanya Dalam Al-Qur’ān: Satu Analisis Pragmatik. *Journal of Social Science and Humanities*.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2018). *Pragmatik dan Analisis Wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah. (1990). *Semantik dan Pragmatik dalam Teori Relevan*. *Jurnal Dewan Bahasa*. 34(6), 474-483.
- Rifa’in @ Mohd Rifain, S. ., Pa, M. T. ., Hussin, M. ., & Abd. Latif, F. . (2023). Konsep Uslub Amr Bagi Konteks Akidah dalam Surah Al-Mulk Berdasarkan Pendapat Al-Awsi: The Concept of Uslub Amr in the Context of Islamic Creed in Surah Al-Mulk Based on Al-Awsi’s Opinion. *Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam*, 25(1), 327–360.
- Sayyid Qutb. (2004). *Fi Zilalil Qura’n*. Kaherah: Dar syuruq .3629, Jilid 6
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and Cognition* (2nd ed., p. 125). Oxford: Blackwell.
- Thomas, J. (1981). *Pragmatic Failure*. Lancaster: University of Lancaster Press
- Zaiton Ismail. (2003). *Pragmatik: Teori dan Aplikasi* (p. 36). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamakhshari, Abul Qasim Muhammad Bin Imran. (2012). *Al-Kassiyaf*. Jilid 4. Disusun: Syaridah Assyarbini. Al-kaheerah: Darul Hadis.